



KENYATAAN MEDIA
MAKLUMBALAS JABATAN PERIKANAN MALAYSIA ISU
PERMOHONAN LESEN SAMPAN

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi maklumbalas terhadap laporan Berita Wilayah, Radio Televisyen Malaysia (RTM), pada 6 Oktober 2020 tentang permohonan supaya pengeluaran lesen sampan dipercepatkan.
2. DOF telah menerima permohonan lesen sampan baru dari seluruh negara. Permohonan-permohonan tersebut telah menjalani proses siasatan, semakan dan temuduga di peringkat daerah dan Negeri. Pertimbangan diberikan dengan mengambilkira semua aspek antaranya status sumber perikanan sedia ada, keupayaan daya tampungan vesel sesebuah kawasan dan implikasi kewangan yang terlibat.
3. Ingin dimaklumkan, DOF juga sedang mengadakan proses pemutihan vesel bagi memastikan hanya nelayan tulen yang berada dalam sektor perikanan.
4. DOF kini dalam peringkat akhir proses pengeluaran lesen sampan kepada nelayan-nelayan yang layak berasaskan faktor-faktor yang dinyatakan.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

14 Oktober 2020 (Rabu) jam 10.00 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 019-381 7402 (Ahmad Faizal)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my